

# Program offset MRT sumbang RM3.53 bilion

» Mampu beri manfaat kepada lebih 50 syarikat tempatan

Oleh Mohd Zaky Zainuddin dan Lum Chee Hong

**P**rogram offset bagi Laluan 1 Aliran Transit Massa (MRT) Sungai Buloh-Kajang, yang diwujudkan daripada 32 projek utama, dijangka menyumbang sehingga RM3.53 bilion kepada ekonomi negara menjelang 2017.

Ketua Eksekutif Mass Rapid Transit Corp Sdn Bhd (MRT Corp), Datuk Wira Azhar Abdul Hamid, berkata sumbangan itu dijangka memberi manfaat kepada lebih 50 syarikat tempatan dalam pelbagai aspek

Beliau berkata, antara aspek yang diterapkan dalam program offset membolehkan pakej kerja sivil adalah seperti reka bentuk dan pembangunan; integrasi sistem; pembangunan modal insan; akses pasaran global; pakej kerja tempatan; serta penempatan.

Katanya, program itu turut merangkumi sistem operasi MRT iaitu kutipan tiket automatik; isyarat dan kawalan tren; stok pusingan; pembinaan landasan; serta sistem pengagihan

dan bekalan kuasa.

## Tingkatkan industri

“Program offset direka dalam usaha meningkatkan pembangunan industri dan teknologi tempatan dan pada masa yang sama mewujudkan peluang pekerjaan kepada syarikat tempatan yang merangkumi kemahiran dan kepakaran,” katanya kepada media selepas majlis menandatangani perjanjian program itu dengan enam kontraktor pakej kerja (WPCs) menerusi kerjasama Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir ialah Pengurus Projek Meidensha-Meiden Malaysia Sdn Bhd, Oikubo Atsushi; Naib Presiden APAC System Bombardier (Malaysia) Sdn Bhd, David Allen; Ketua Eksekutif Siemens Malaysia Sdn Bhd, Prakash Chandran; dan Pengarah MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd,

Datuk Ir Paul Ha.

Enam kontraktor utama yang memeterai perjanjian dengan MRT Corp ialah Bombardier (M) Sdn Bhd; Meidensha - Meiden Malaysia Sdn Bhd JV; Konsortium Siemens Malaysia Sdn Bhd - Siemens AG - SMH Rail Sdn Bhd; Affiliated Computer Services Solutions France SAS; Mitsubishi Heavy Industry Ltd; dan MMC-Gamuda KVMRT.

## Manfaatkan ekonomi

Di bawah perjanjian itu turut merangkumi aspek keperluan menyediakan perkhidmatan dan jentera bagi projek MRT, setiap WPCs akan menyediakan manfaat tambahan bukan hanya kepada industri rel tempatan malah kepada ekonomi Malaysia secara keseluruhan.

Program itu direka untuk memberi tumpuan kepada tujuh aspek iaitu reka bentuk dan pembangunan; pembangunan modal insan; akses pasaran global; pakej kerja tempatan;

pelaburan; pengeluaran komponen dan bahagian; serta pemindahan teknologi.

Azhar berkata, enam kontraktor pakej kerja akan menyediakan pulangan berbentuk manfaat kepada ekonomi Malaysia dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan teknologi.

“Manfaat daripada program offset tidak hanya diterima oleh MRT Corp, malah pihak lain termasuk Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), industri kejuruteraan rel, operator kemudahan rel lain dan pelajar dari universiti tempatan,” katanya.

Program offset membolehkan sebahagian daripada 32 projek disediakan enam WPCs yang turut merangkumi pengambilan 30 pekerja MRT Corp bagi menyertai latihan dengan Siemens dalam pelbagai bidang sistem dan teknologi rel bagi tempoh 36 hingga 60 bulan di Malaysia, Austria dan Jerman.

“  
Program offset direka  
dalam usaha  
**meningkatkan**  
**pembangunan industri**  
dan teknologi tempatan  
dan pada masa yang sama  
**mewujudkan peluang**  
**pekerjaan** kepada  
syarikat tempatan”

**Azhar Abdul Hamid,**  
Ketua Eksekutif MRT Corp



Azhar (tengah) dan Ketua Pegawai Eksekutif MiGHT, Mohd Yusoff Sulaiman (dua kiri) bergambar bersama enam wakil pakej kerja kontraktor MRT Lembah Klang pada majlis menandatangani perjanjian di KLGCC, Kuala Lumpur.

[ FOTO SADDAM YUSOFF/BH ]